

01/04/2013

Majlis Menandatangani Dokumen Penyerahan PICC kepada Perbadanan Putrajaya

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera & Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Datuk Othman Bin Haji Mahmood,

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Adnan Bin Haji Md. Ikhsan,

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh Bin Che Mat, Presiden Perbadanan Putrajaya,

YBhg Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan Kudrat, Iradat dan Inayah-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk salah satu acara yang amat bermakna bagi kita semua, iaitu Majlis Menandatangani Dokumen Penyerahan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) kepada Perbadanan Putrajaya yang telah pun mendapat persetujuan secara prinsip oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
2. Pada hari ini, kita akan menjadi saksi kepada usaha untuk mempertingkatkan taraf Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya atau PICC seiring dengan pusat-pusat konvensyen lain yang bertaraf antarabangsa. Bagi memulakan usaha tersebut, PICC akan dipindahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang seterusnya akan menyerahkan pengurusan pusat konvensyen ini kepada Perbadanan Putrajaya.
3. Perbadanan Putrajaya akan dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pelan perniagaan (business plan) yang lengkap yang akan menjadi asas kepada usaha-usaha untuk menjadikan PICC sebagai sebuah pusat konvensyen yang utama di negara ini. Untuk makluman, cadangan pengambilalihan PICC telah dikemukakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya kepada Jabatan Perdana Menteri pada Oktober tahun lepas. Cadangan ini adalah sesuatu yang positif dimana ia berlandaskan kepada pendekatan

Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS). Sepertimana amalan di negara-negara maju di mana pusat-pusat konvensyen diletakkan di bawah pengurusan atau kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan seperti Las Vegas Convention Centre, Tokyo Convention Centre dan Melbourne Convention Centre, pengurusan PICC oleh Perbadanan Putrajaya akan berupaya untuk menghasilkan sinergi daripada segi pengurusan sumber manusia, kewangan dan kemudahan-kemudahan awam di Putrajaya.

4. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Putrajaya dipercayai dapat mempromosikan PICC ini secara bersepadu dengan lain-lain kemudahan yang menarik di Putrajaya. Selain dari memberikan nilai tambah kepada penganjur-penganjur majlis dan industri pelancongan keseluruhannya, aktiviti promosi secara bersepadu ini sudah tentunya akan memberikan penjimatan yang besar kepada Kerajaan berbanding dengan perbelanjaan promosi secara berasingan.

Yang Berbahagia Tan Sri/Datuk-Datuk/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

5. Perbadanan Putrajaya perlu menyasarkan peluang-peluang perniagaan dalam sektor Meetings, Incentives, Congress and Exhibitions atau MICE dimana Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 2.9 juta pelancong kategori *business tourism* menjelang tahun 2020 dibawah Economic Transformation Program. Selaras dengan itu, PICC perlu diuruskan secara profesional dan berdasarkan kepada *Key Performance Indicators* yang jitu bagi memastikan hasrat Kerajaan tercapai.
6. Industri pelancongan terutamanya sektor MICE memainkan peranan yang penting dalam sumber ekonomi negara. Penyertaan dalam *business tourism* di Malaysia telah meningkat dengan anggaran sebanyak 133% sejak tahun 2003. Pada tahun 2011 sahaja penyertaan *business tourism* ini menyumbangkan nilai ekonomi berjumlah RM10.7 billion kepada negara. Jumlah penyertaan untuk *business tourism* dianggarkan akan meningkat dari 5% sekarang kepada 8% menjelang tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 1.7 juta peserta dengan kerjasama antara Tourism Malaysia, Malaysian Convention Bureau atau MyCEB, Pusat-Pusat Konvensyen dan persatuan-persatuan yang berkaitan.
7. Statistik-statistik ini membawa makna pewujudan lebih banyak lagi peluang pekerjaan dan peluang perniagaan. Jumlah keseluruhan kehadiran pelancong ke Malaysia pada tahun 2011 adalah seramai 24.7 juta orang dengan nilai pendapatan kepada negara sebanyak RM58.3 billion.
8. Jika dilihat dari senarai persidangan-persidangan antarabangsa dari tahun 2010 sehingga tahun 2016 yang dikeluarkan oleh MyCEB, daripada 43 buah persidangan yang telah dan akan dianjurkan dalam negara kita, Kuala Lumpur menjadi tempat pilihan untuk 32 persidangan. Oleh yang demikian, saya amat berharap dengan pengurusan baru di bawah Perbadanan Putrajaya, lebih banyak lagi persidangan antarabangsa dapat dianjurkan di PICC.
9. Saya juga menyeru supaya agensi-agensi Kerajaan menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan di PICC untuk penganjuran persidangan-persidangan

antarabangsa mereka sebagai menyokong usaha Kerajaan menjadikan PICC destinasi utama bagi penganjuran MICE. Dalam hubungan ini, saya yakin keutamaan akan diberikan kepada majlis-majlis anjuran Kerajaan seperti saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

10. Dalam kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Othman Bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri dan pasukan pengurusan beliau di atas usaha gigih yang telah ditunjukkan dalam menguruskan PICC selama ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tahniah dan terima kasih juga kepada warga PICC yang telah memberikan sumbangan yang begitu besar dalam menjaga dan menguruskan aset yang berharga ini serta berjaya meningkatkan penggunaan kemudahan-kemudahan di PICC seperti yang telah disebutkan tadi. Ianya adalah satu testimoni bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan juga mampu untuk menguruskan sebuah entiti komersial.

Yang Berbahagia Tan Sri/Datuk-Datuk/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

11. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya ini walaupun dibangunkan oleh Kerajaan tetapi pemilik sebenar adalah mereka yang akan menggunakannya untuk menganjurkan persidangan-persidangan dan majlis-majlis bagi menterjemahkan idea atau keputusan-keputusan yang hendak dicapai nanti selaras dengan tag line PICC “Where Great Minds Meet”.
12. Akhir sekali, saya berharap sumbangan Kerajaan kepada usaha membangunkan industri MICE akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi untuk memakmurkan kesejahteraan rakyat negara kita jua.

Selamat maju jaya!

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.